



BAHAGIAN KEJURUTERAAN AWAM  
JABATAN KEJURUTERAAN  
MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH

## KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor dari CIDB, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dari CIDB, Sijil Taraf Bumiputera dari PKK dan berdaftar dengan Majlis Perbandaran Temerloh (MPT) Gred G2 dalam tahun 2024 dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut :

BIL	BUTIR-BUTIR SEBUTHARGA	HARGA BORANG SEBUTHARGA	TEMPAT DAN TARIKH BORANG DIJUAL	SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH, MASA DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
1.	Menaiktaraf Bumbung, Elektrik dan Kerja-Kerja Berkaitan di Flat KSM Mentakab (MPT:S-6/2024)	RM 80.00	Kaunter Berpusat, Majlis Perbandaran Temerloh, Kompleks Pejabat Plaza Temerloh	Gred G2 Kategori CE Pengkhususan, CE21	Tiada	17.04.2024 (Rabu)  Jam 12.00 Tengahari
2.	Penyelenggaraan Kolam Takungan Temerloh Titik Tengah (MPT:S-16/2024)	RM 80.00				
3.	Menaiktaraf Prasarana Pasar Awam Serta Kerja-Kerja Berkaitan di Pasar Awam Temerloh, MP Temerloh (MPT:S-17/2024)	RM 80.00				
4.	Menaik Taraf Gerai MPT Jalan Pak Sako (Hadapan LHDN), Temerloh, MP Temerloh (MPT:S-18/2024)	RM 80.00				

2. Borang Sebutharga boleh disemak di Kaunter Berpusat, Majlis Perbandaran Temerloh, Kompleks Pejabat Plaza Temerloh, pada waktu pejabat bermula 05.04.2024 (Jumaat).
3. Kontraktor yang berminat hendaklah mendapatkan borang sebutharga dengan hadir sendiri serta membawa Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB), Sijil Taraf Bumiputera (PKK) dan Sijil Pendaftaran SSM berserta nombor telefon yang boleh dihubungi semasa membeli borang sebutharga.
4. Bayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai atau wang pos atau wang kiriman sebanyak sepertimana di atas dan atas nama Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Temerloh.
5. Borang sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertulis tajuk kerja di sudut kiri atas dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Tingkat 5, Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Temerloh, Kompleks Pejabat Plaza Temerloh pada 17.04.2024 (Rabu) sebelum jam 12.00 tengahari.
6. Sebarang Kelewatan menghantar borang sebutharga melebihi Jam 12.00 Tengahari tidak akan dilayan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

(HARIS FATHILAH BIN MOHD HAJAR, AMP)

Pengarah Jabatan Kejuruteraan  
b.p Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Temerloh.

- s.k i) Tuan Yang Dipertua - Untuk makluman  
ii) Ketua Bahagian Perhubungan Awam dan Pembangunan Belia - Untuk dimasukkan ke dalam Facebook MPT

Bertarikh : 4 April 2024

(Iklan ini merupakan cetakan komputer dan tidak perlukan tandatangan)